



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN VIDEO BERSEGMENT TERHADAP PENCAPAIAN DAN SIKAP PELAJAR
DALAM MATA PELAJARAN GERONTOLOGI ASAS DAN
PERKHIDMATAN GERIATRIK**

MOHD FAZLY BIN MUSTAPHA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kaedah pengajaran pada masa kini menimbulkan pelbagai masalah antaranya pengajaran lebih berbentuk kepada teori dan komunikasi satu arah sahaja yang akan mengakibatkan pelajar menjadi bosan, kurang memberikan tumpuan dan seterusnya menjejaskan pencapaian mereka. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat kesan video bersegmen terhadap pencapaian dan sikap pelajar dalam mata pelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Greatrik. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kuantitatif deskriptif dengan memilih rekabentuk kuasi eksperimen berbentuk ujian pra-pasca bagi melihat pencapaian dan sikap pelajar melalui penggunaan video bersegmen. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang pelajar tingkatan 4 dari Sekolah Menengah Seksyen 24 (2), Shah Alam, Selangor. Data yang telah dikumpul hasil daripada ujian berkenaan dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan ujian-t. Dapatan analisis deskriptif ujian pra-pasca menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian yang diperolehi dan hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan signifikan terhadap sikap pelajar dengan penggunaan video bersegmen dalam mata pelajaran berkenaan. Justeru itu, kaedah video bersegmen dapat digunakan untuk pembelajaran sendiri yang berkesan dan menjimatkan masa.





THE EFFECTS OF SEGMENTED VIDEO ON STUDENTS' PERFORMANCE AND ATTITUDE TOWARDS BASIC GERONTOLOGY AND GERIATRIC SERVICES SUBJECTS

ABSTRACT

Unconventional teaching methods nowadays tend to be the cause of various problems such as heavily relying on the theory of teaching and the restricted one-way mode of communication. These have resulted in boredom among students, reduced of students' focus which in turn effecting the students' performance in their studies. Therefore, this study was conducted to investigate the effect of segmented video of the performance and attitude of students in the Basic Gerontology and Geriatric Services subjects. The methodology used in this study is descriptive quantitative by selecting a quasi-experimental design in the form of pre - post test to see students' achievement and attitudes through the use of segmented video. The sample consisted of 30 form four (4) in secondary school from Sekolah Menengah Section 24 (2), Shah Alam, Selangor. The data collected was analyzed using descriptive analysis and t-test. The findings of descriptive analysis pre-post test showed that there was an increase of progress achieved and the results of t-test showed a significant difference to the attitudes of students with the use of segmented video in the experimented subject. It explores and furthers our understanding of video segmented methods. It proves to be an effective self-learning as well as time saving.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB 1	PEDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Batasan Kajian	12



1.8	Definisi Konsep Dan Operasional	14
1.9	Rumusan	15

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik	16
2.3	Penggunaan Video Dalam Pendidikan	18
2.4	Video Pendidikan yang Berkesan	21
2.5	Teori Kognitif dalam Video Pendidikan	24
2.6	Teori Tingkahlaku dalam Video Pendidikan	25
2.7	Teori Konstruktif dalam Video Pendidikan	26



2.8	Video Bersegenmen	27
2.9	Teori Penerimaan Teknologi dalam Video	30
2.10	Kerangka Kajian dan Kerangka Konsep	32
2.11	Rumusan	33

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	34
3.2	Rekabentuk Kajian	34
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	37
3.4	Tempat Kajian	38
3.5	Instrumen Kajian	39
3.5.1	Borang soal selidik	40



3.5.2	Soalan Ujian Pra dan Ujian Pos	41
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	41
3.7	Kajian Rintis	42
3.8	Prosedur Kajian	49
3.9	Penganalisan Data	51
3.10	Carta Gantt	51
3.11	Kesimpulan	52

BAB 4 REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN

4.1	Pengenalan	53
4.2	Model Reka Bentuk dalam Pembangunan Perisian	55
4.3	Model ADDIE	56
4.3.1	Analisis (<i>Analysis</i>)	57
4.3.2	Reka Bentuk (<i>Design</i>)	58
4.3.2.1	Papan Cerita (<i>Storyboard</i>)	58
4.3.2.2	Elemen Multimedia dalam Perisian	60
4.3.2.3	Perkakasan Perisian	61
4.3.3	Pembangunan (<i>Development</i>)	62
4.3.4	Perlaksanaan (<i>Implementation</i>)	63
4.3.5	Penilaian (<i>Evaluation</i>)	64
4.4	Video Bersegmen GAPG	65
4.5	Rumusan	68

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1	Pendahuluan	69
5.2	Analisis Latar Belakang Responden	70
5.3	Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian	73
5.3.1	Persoalan Kajian 1: Apakah persepsi pelajar terhadap penggunaan Video Bersegmen dalam Pengajaran dan Pembelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik (GAPG)	73
5.3.2	Persoalan Kajian 2: Adakah terdapat Kesan terhadap pencapaian pelajar menggunakan Video Bersegmen sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Matapelajaran GAPG	98
5.3.2.1	Keputusan Ujian Pra dan Pos	98
5.3.2.2	Analisis Keputusan Pemerhatian	102
5.3.2.3	Analisis Keputusan Temubual	104
5.3.3	Persoalan 3: Adakah Terdapat Perbezaan Sikap Pelajar dalam Penggunaan Video Bersegmen sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM)	105
5.4	Rumusan	114

BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	115
6.2	Perbincangan Hasil Kajian	116
6.2.1	Kandungan Video Bersegmen	116
6.2.2	Kesesuaian Rekabentuk Video Bersegmen	118
6.2.3	Kemudahan Penggunaan Video Bersegmen	119

6.2.4	Sikap Pelajar Terhadap Penggunaan Video Bersegmen	120
-------	---	-----

6.3	Untuk Mengkaji Kesan Penggunaan Video Bersegmen Sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Matapelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik (GAPG) terhadap pencapaian pelajar	121
-----	---	-----

6.4	Untuk Mengkaji Perbezaan Sikap Pelajar Berdasarkan Ujian t-test dalam Penggunaan Video Bersegmen Sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM)	122
-----	---	-----

6.5	Cadangan dan Penambahbaikan	125
-----	-----------------------------	-----

6.5.1	Guru	125
-------	------	-----

6.5.2	Pihak Sekolah	127
-------	---------------	-----

6.5.3	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	127
-------	---------------------------------------	-----

6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	128
-----	--------------------------	-----

6.7	Rumusan	130
-----	---------	-----

BIBLIOGARFI	131
--------------------	-----

LAMPIRAN	139
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Bilangan Guru Beropsyen GAPG dan yang Mengajar GAPG di Seluruh Malaysia	8
1.2 Bilangan Guru Mengikut Jantina yang Mengajar GAPG	9
1.3 Bilangan Sekolah Menawarkan Subjek GAPG di Malaysia	9
3.1 Pengelasan Skala Likert	40
3.2 Pekali Saiz Cronbach’s Alpha (Peraturan Umum)	44
3.3 Tahap Kebolehpercayaan Kajian Mengikut Pekali Alpha Cronbach	45
5.1 Taburan Responden Mengikut Jantina.	70
5.2 Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah.	70
5.3 Taburan Responden Mengikut Kaum.	71
5.4 Taburan Responden Mempunyai Komputer Di Rumah	71
5.5 Taburan Responden Mempunyai Sambungan Internet	72
5.6 Taburan Responden Meminati Matapelajaran GAPG	72
5.7 Guru Menggunakan Perisian ini Bersumberkan Buku Teks	73
5.8 Kandungan Perisian ini Memberi Penerangan yang Jelas	74
5.9 Kandungan Perisian ini Teratur dan Tersusun Mengikut Topik	75
5.10 Kandungan Video Bersegmen Sesuai Menerangkan Proses Pembelajaran	75
5.11 Penggunaan Video Bersegmen ini Menyenangkan Pelajar Untuk Belajar	76
5.12 Saya Dapat Meningkatkan Kefahaman dengan Baik Apabila Menggunakan Video Bersegmen ini	77

5.13	Video Bersegmen Sesuai Untuk Saya Gunakan	77
5.14	Rekabentuk Video Bersegmen Ini Sesuai Untuk Dijadikan Bahan Pengajaran	78
5.15	Ikon Dalam Video Bersegmen Ini Boleh Difahami	79
5.16	Kedudukan Butang Dalam Video Bersegmen Ini Memudahkan Capaian Saya	80
5.17	Jenis Butang Dalam Video Bersegmen Ini Menyenangkan Saya	80
5.18	Saya Boleh Fokuskan Mata Apabila Video Bersegmen Ini Dipaparkan	81
5.19	Video Bersegmen Ini Menggunakan Latarbelakang Yang Menarik	82
5.20	Tulisan Dalam Video Bersegmen Ini Mudah Untuk Dibaca	82
5.21	Lakonan Yang Digunakan Sesuai Untuk Dijadikan Bahan Pengajaran	83
5.22	Suara Dalam Video Ini Jelas Untuk Saya Memahami Maklumat Yang Disampaikan	84
5.23	Rekabentuk Video Bersegmen Ini Menyenangkan Saya Menggunakannya	84
5.24	Video Bersegmen Ini Mudah Digunakan	85
5.25	Arahan Yang Diberikan Dalam Video Bersegmen Ini Mudah Difahami Maksudnya	86
5.26	Persembahan Paparan Video Bersegmen Mudah Diselia	86
5.27	Penggunaan Video Bersegmen Membuatkan Saya Selesa Untuk Belajar	87
5.28	Memudahkan Saya Mengingati Isi Pelajaran Apabila Video Bersegmen Digunakan	88
5.29	Penggunaan Video Bersegemen Tidak Memaksa Saya Untuk Belajar	89

5.30	Jadual Waktu Belajar Dapat Diuruskan Dengan Baik Apabila Menggunakan Video Bersegmen	89
5.31	Saya Dapat Belajar Secara Sistematis Apabila Menggunakan Video Bersegmen	90
5.32	Saya Seronok Untuk Belajar Apabila Video Bersegmen Dijadikan Bahan Pengajaran	91
5.33	Saya Tidak Berasa Bosan Apabila Guru Menggunakan Video Bersegmen Sebagai Bahan Pengajaran	91
5.34	Minat Saya untuk Belajar Meningkat Apabila Guru Menggunakan Video Bersegmen	92
5.35	Minat Saya untuk Belajar Meningkat Apabila Guru Menggunakan Video Bersegmen	93
5.36	Penggunaan Video Bersegmen Tidak Membosankan Saya	93
5.37	Apabila Guru Menggunakan Video Bersegmen Saya Memberi Tumpuan Sepenuhnya	94
5.38	Saya Tidak Tertekan Apabila Guru Menggunakan Video Bersegmen	95
5.39	Rasa Mengantuk Akan Hilang Apabila Guru Menggunakan Video Bersegmen	95
5.40	Aktiviti Pembelajaran Dalam Video Bersegmen Dapat Menarik Minat Saya	96
5.41	Saya Akan Menggunakan Video Bersegmen Ini Pada Masa Akan Datang	97
5.42	Saya Bersikap Baik Semasa Menggunakan Video Bersegmen	97
5.43	Keputusan Markah Ujian Pra Dan Pos Responden	100
5.44	Analisis Ujian-T Tentang Sikap Pelajar Berdasarkan Jantina	105
5.45	Keputusan Analisis Ujian-T Tentang Sikap Pelajar Berdasarkan Jantina	107
5.46	Keputusan Analisis Ujian-T Tentang Sikap Pelajar Berdasarkan Mempunyai Komputer Di Rumah	107



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

5.47	Keputusan Analisis Ujian-T Tentang Sikap Pelajar Berdasarkan Mempunyai Sambungan Internet	110
5.48	Keputusan Analisis Ujian-T Tentang Sikap Pelajar Berdasarkan Meminati Mata Pelajaran Ini	112



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Teori Konseptual	32
3.1 Rekabentuk Kajian Pra Dan Pasca	37
4.1 Bingkai Antaramuka	59
4.2 Bingkai Papan Cerita	59
4.3 Antara Muka Video Bersegmen GAPG	65
4.4 Menu Utama Video Bersegmen	65
4.5 Paparan Pemuka Video Bersegmen	66
4.6 Video Bersegmen	66
4.7 Video Bersegmen (Segmen 1)	67
4.8 Video Bersegmen (Segmen 2)	67





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
RMK10	Rancangan Malaysia Ke Sepuluh
GAPG	Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
<i>ICT</i>	<i>Information Communication Technology</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN



Pendidikan merupakan satu wacana utama kerajaan dalam usaha mencapai negara maju dengan rakyat berpelajaran dan mempunyai pengetahuan yang tinggi. Industri pendidikan di peringkat global pada masa kini berubah secara dinamis, dengan membawa banyak cabaran kepada penggubal dasar dan pendidik dalam menyediakan bahan pengajaran yang berkualiti dan selari dengan perkembangan semasa. Pendidikan masa kini perlu dipertingkatkan kecemerlangannya dari segi kualiti, kuantiti, *standard* dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan bertaraf dunia. Perubahan pendidikan ini memerlukan kepada inovasi yang kreatif dalam membantu menjayakan kecemerlangan pendidikan di Malaysia. Pendidikan berkualiti menjamin masa depan yang lebih baik dalam mengharungi cabaran abad ke-21 yang semakin kompleks dan mencabar. Warga pendidik dan murid-murid perlu melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran masa kini iaitu kemahiran *ICT*, kemahiran berfikir dan





kemahiran berkomunikasi bagi menghasilkan modal insan yang berilmu, kreatif dan inovatif (Alimuiddin, 2010).

Penggunaan video dalam pengajaran dan pembelajaran di zaman siber ini merupakan satu bentuk kaedah yang sangat sesuai untuk meningkatkan tahap pemahaman dan pencapaian murid-murid sekolah. Menurut Bell dan Bull (2010), video digital yang dicipta oleh tenaga pengajar dapat menarik minat pelajar untuk memerhati, menjawab soalan dan mentafsir mesej yang hendak disampaikan. Video juga merupakan satu alat yang dapat membantu guru secara tidak langsung dalam membuat persediaan yang rapi sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan makmal. Pendidik sering mencari kaedah yang berkesan untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang produktif (Hartscell & Yuen, 2006).



Menurut Ahmad Zamzuri (2012), teknik penggunaan pelbagai elemen multimedia beserta persembahan animasi dapat mengerakkan saluran verbal dan visual di dalam memori yang merupakan strategi berkesan bagi memperoleh, memproses, mengekod, menyimpan dan mengingat maklumat di dalam proses pembelajaran. Sememangnya minat murid dalam pembelajaran adalah kecenderungan gaya pembelajaran berkaitan audio, visual, sentuhan, kinestatik, berkumpulan dan individu.

Pengajaran dan pembelajaran menggunakan buku teks (kaedah tradisional) atau secara teori boleh mengurangkan minat belajar murid dan secara tidak langsung dapat menjejaskan tumpuan semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Menurut Mohamad, N., Ibrahim, R. & Mohamad, F. (2011), melalui pengajaran dan pembelajaran sekarang di mana pensyarah memberikan syarahan di depan manakala pelajar hanya mendengar dan ada juga yang menerangkan sesuatu topik dengan





menggunakan alat bantu mengajar seperti projektor namun dirasakan masih tidak dapat membantu sepenuhnya pengajaran di dalam bilik kuliah atau makmal kerana masih ada pelajar yang menunjukkan ekspresi mengantuk dan membosankan. Kaedah pengajaran tradisional tidak dapat memenuhi keperluan ini kerana ia lebih menumpukan kepada aspek teori yang menyebabkan pelajar bosan dan tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada sesi pembelajaran. Sekolah-sekolah sepatutnya telah menerima hakikat bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional adalah tidak berjaya bagi kebanyakan pelajar. Abd Rahim (2001) menyebut, kepincangan corak pengajaran tradisional kerana tidak dapat meningkatkan pencapaian pelajar telah lama disedari. Menurut Brownell (1973) dalam Abd Rahim (2001), kaedah penyampaian biasanya laju serta pengalaman dan latihan yang diberikan tidak sesuai untuk keperluan individu. Penyampaian pengajaran yang semata-mata berlandaskan kepada penggunaan buku teks dan teknik 'chalk and talk' sememangnya kurang diminati pelajar kerana pengajaran sebegini tidak berpusat kepada pelajar dan penglibatan pelajar adalah pada tahap minimum.

Pembelajaran berbantuan komputer merupakan salah satu pendekatan yang menggunakan komputer bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (Aris, B., 2002). Penggunaan teknik video bersegmen dalam pengajaran sesuatu mata pelajaran bukan sahaja lebih menarik minat pelajar dan menyeronokan, malah berkecupayaan untuk menangani masalah pelbagaian pelajar seperti latar belakang pendidikan asas, tahap kefahaman, daya pemikiran dan perkembangan kognitif, umur, tahap penguasaan bahasa dan sebagainya. Menurut Zolazlan Hamidin dari Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, menyatakan pengajaran berkesan ialah proses mengajar





yang menghasilkan proses pembelajaran yang berkesan dalam kalangan pelajar yang menghasilkan proses pengajaran tersebut di mana ia dapat mengubah tingkah laku, membina dan mengembangkan aspek rohani, minda serta jasad pelajar. Dalam bahasa yang mudah pelajar berasa seronok, bertambah minat, faham, menghayati bahan yang diajar, meningkat kemahiran dalam aspek kognitif dan memanipulasi mereka serta dapat melakukan aktiviti yang berkaitan dengan proses pengajaran yang dijalani. Penggunaan teknologi komputer melalui gabungan elemen multimedia seperti teks, grafik, animasi, audio dan video membolehkan pelajar mempelajari sesuatu dengan cepat, mengekalkan ingatan pelajar yang lebih lama, memberikan gambaran yang lebih jelas dan mempercepatkan pemahaman pelajar (Ahmad Zamzuri, 2012).



Pembelajaran tidak hanya berkaitan dengan penambahan pengetahuan dan mengingat semula maklumat yang dipelajari tetapi merupakan aktiviti menguasai konsep dan memahami maklumat pengetahuan dan seterusnya dapat mengaplikasikannya ke dalam kehidupan (Hargreaves, 1996). Pembelajaran melibatkan usaha menguasai kemahiran dan pengetahuan di samping membentuk sikap. Kajian dalam bidang psikologi dan pendidikan menunjukkan individu mempunyai kemahiran yang berbeza memproses maklumat. Kaedah tersendiri individu mencari, menyimpan dan mengeluarkan semula maklumat dikenali sebagai gaya pembelajaran (Felder & Henriques, 1995). Oleh itu untuk berjaya, individu pelajar perlu memiliki sifat belajar dan menguasai kaedah belajar untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran. Konflik dalaman pelajar memainkan peranan untuk berjaya, akibatnya pelajar menjadi bosan dan tidak menumpukan perhatian lantaran menyebabkan mereka gagal



mendapat markah tinggi dalam peperiksaan, kurang berminat pada subjek tertentu dan seterusnya berputus asa (Baharin Abu, 2000) dan (Smith & Renzulli, 1984).

Sehubungan itu kajian keberkesanan penggunaan video bersegmen dalam subjek Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik perlu dibuat untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan secara tidak langsung menarik minat kepada subjek tersebut. Ini juga dapat membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan lebih efektif dan berkesan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Aplikasi multimedia berkeupayaan menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritikal, menyelesaikan masalah dan bermotivasi dalam pembelajaran. Menurut Buckley dan Smith (2008), penggunaan simulasi multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran mampu meningkatkan kemahiran pelajar untuk menyelesaikan sesuatu masalah, selain ia dapat mengintegrasikan informasi dengan lebih berkesan dalam meningkatkan peluang pembelajaran yang menarik. Namun keupayaan pelajar bergantung kepada perkembangan fizikal, intelektual, emosi dan sosial. Perbezaan atau variasi seseorang individu dengan norma kumpulan, sama ada dalam sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkahlaku, sosial atau bakat sememangnya wujud dalam sesebuah kumpulan (Santhi Suppiah, 1998). Oleh sebab itu pelajar mempunyai kepelbagaian ragam atau perbuatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



Kajian lepas menjelaskan untuk belajar lebih berjaya pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai model dan teknik pembelajaran. Malangnya, unsur ini kurang ditekankan oleh guru. Sarena Abdul Karim (2003) menyatakan sistem pendidikan di Malaysia masih kurang menekankan aspek teknik belajar secara formal. Menurutya lagi, kebanyakan pelajar mempelajari teknik atau kemahiran belajar secara kebetulan, tidak secara langsung atau terikut-ikut dengan rakan sebaya. Situasi ini wujud disebabkan pelajar tidak mempunyai panduan yang khusus untuk menghadapi pembelajaran mereka. Sehubungan itu penggunaan video bersegmen dalam pengajaran dan pembelajaran dapat menjadi panduan yang lebih berkesan dan efektif berbanding penggunaan teks dan gambar dan seterusnya secara tidak langsung menarik minat pelajar. Penggunaan video dalam pengajaran dan pembelajaran adalah satu bahan simulasi yang sangat baik dan berkesan terutama dalam matapelajaran yang berbentuk teknikal yang memberikan gambaran sebenar kepada sesuatu konsep atau teknik. Menurut Norizan (2002) di dalam Norhaziana (2005), beliau menyatakan bahawa sesuatu media berbentuk simulasi adalah perisian yang memberikan gambaran situasi sesuatu keadaan. Pengguna akan seolah-olah berada di tempat kejadian dan boleh bertindak balas terhadap keadaan tersebut. Sementara Bell dan Bull (2010), menyatakan video digital yang dicipta oleh para pengajar dapat menarik minat pelajar untuk memerhati, menjawab soalan dan mentafsir mesej yang ingin disampaikan. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh Pinder-Grover, Millunchick dan Bierwert (2008) yang menggunakan video untuk meningkatkan pembelajaran pelajar dalam kursus sains dan kejuruteraan mendapati, majoriti pelajar mengatakan penggunaan video membantu mereka dalam memahami konsep yang hendak disampaikan.





Penggunaan video bersegmen dalam matapelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik merupakan satu pendekatan baru dalam usaha membantu meningkatkan tahap pemahaman pelajar dengan lebih mendalam kerana matapelajaran berkenaan memerlukan kepada simulasi atau gambaran sebenar kepada cara-cara menguruskan warga tua. Matapelajaran berkenaan banyak menggunakan teknik dan kaedah yang betul dalam mengendalikan warga tua dan ia sememangnya bersesuaian dengan penggunaan video berbanding dengan pengajaran secara teori dan teks.

1.3 Pernyataan Masalah



Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik merupakan satu daripada mata pelajaran elektif vokasional di sekolah menengah atas dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Fokus pembelajaran ini adalah supaya murid dapat menguasai kemahiran memberi perkhidmatan penjagaan warga tua dari segi fizikal, psikologi dan sosial. Penggubalan mata pelajaran ini juga merupakan sebahagian usaha Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah persediaan murid sebagai tenaga kerja yang berketrampilan dalam menempuh alam perkerjaan di bidang penjagaan warga tua dan merealisasikan masyarakat penyayang Wawasan 2020 (PPK, 2004).

Namun tenaga pengajar yang mahir dalam bidang ini tidak ramai di Malaysia dan bahan bantuan mengajar yang terhad, menyukarkan proses pengajaran dan





pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan, dan secara tidak langsung akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran serta kefahaman dan pencapaian akademik pelajar. Merujuk kepada jadual 1.1, ia menunjukkan jumlah keseluruhan guru yang beropsyen Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik di Malaysia dan bilangan guru yang mengajar matapelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik di Malaysia. Sementara jadual 1.2 di bawah menunjukkan bilangan guru yang mengajar matapelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik di negeri-negeri yang menawarkan matapelajaran berkenaan yang memerlukan kepada bahan sokongan seperti video bersegmen ini. Jadual 1.3 di bawah memaparkan bilangan sekolah di negeri-negeri di Malaysia yang menawarkan matapelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik (GAPG).



Jadual 1.1

Bilangan Guru Beropsyen GAPG dan yang Mengajar GAPG di Seluruh Malaysia

Jantina	Guru opsyen GAPG	Guru yang mengajar GAPG
Lelaki	11	1
Perempuan	11	4
Bilangan Keseluruhan	22	5





Jadual 1.2

Bilangan Guru Mengikut Jantina yang Mengajar GAPG

Negeri	Lelaki	Perempuan
Selangor	-	1
Johor	-	2
Kelantan	1	1

Jadual 1.3

Bilangan Sekolah yang Menawarkan Subjek GAPG di Malaysia

Negeri	Bilangan Sekolah
Selangor	1
Johor	1
Kelantan	1
Jumlah Keseluruhan	3

Justeru kajian ini dijalankan untuk mengkaji pendekatan teknik video bersegmen di dalam pengajaran dan pembelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik. Kajian ini dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar di samping untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan menjadi panduan yang berguna kepada warga pendidikan di Malaysia. Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada guru-guru sekolah dalam bidang yang berlainan bagi tujuan meningkatkan kaedah penyampaian mereka dengan lebih berkesan, berkualiti dan tepat dari semasa ke semasa dalam mendidik anak bangsa pada masa akan datang.





1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti kesan penggunaan video bersegmen terhadap pencapaian dan sikap pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik . Terdapat 3 objektif disediakan dalam kajian ini, iaitu:

- (i) Untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penggunaan video bersegmen dalam pengajaran dan pembelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik.
- (ii) Untuk mengenalpasti kesan penggunaan video bersegmen dalam pengajaran dan pembelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik terhadap pencapaian pelajar.



- (iii) Untuk mengenalpasti perbezaan sikap pelajar melalui penggunaan video bersegmen dalam pengajaran dan pembelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini adalah untuk menjawab soalan mengenai kesan penggunaan video bersegmen terhadap pencapaian dan sikap pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik, Berikut adalah persoalan kajian yang dibina bagi menjawab objektif yang disediakan:

